



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PENGUATKUASA (C.2 EB.3)
PEJABAT DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI PENGUATKUASA
PEJABAT DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang Pengurusan dan Pentadbiran atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Daerah Tutong dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan Penguatkuasaan Undang-Undang di bawah Akta Lesen Rampaian, Perintah Darurat (Hiburan Awam) 1996, Peraturan Membenarkan Kegiatan Karaoke di Tempat Awam, Peraturan Mengadakan Tempat Permainan *Snooker / Billiard / Pool* dan Akta Anjing;
2. Membuat pemeriksaan ketempat-tempat perniagaan dan tempat-tempat awam untuk pelaksanaan tugas-tugas Penguatkuasaan Undang-Undang dan seterusnya menyediakan laporan mengenainya;
3. Menjalankan pemeriksaan Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil Penggal 30 di kawasan kawalan Jabatan Daerah Tutong;



4. Berkerjasama dengan Penguatkuasa-Penguatkuasa daripada Agensi-Agensi Jabatan Kerajaan yang lain secara bersepadu bagi sama-sama menangani dan memantau kegiatan-kegiatan yang tidak mematuhi Undang-Undang di Daerah ini;dan
5. Bersedia bertugas pada bila-bila masa diperlukan termasuk hari kelepasan awam serta bersedia menerima tugas-tugas lain seperti yang diarahkan dari masa ke semasa.